

**Jenis Akhbar** : *Bernama Online*  
**Tarikh** : 25/10/2017  
**Edisi / Muka Surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## **Lebih 1,600 Peserta Hadiri ICA KL 2017**

*Tarikh kemaskini: 25/10/2017*

PETALING JAYA, 25 Okt (Bernama) -- Lebih 1,600 perwakilan dari 93 negara telah mendaftar bagi menghadiri Persidangan Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) Kuala Lumpur 2017 dari 14 hingga 17 Nov ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata acara anjuran Angkasa itu akan memuatkan antara lain seminar bagi mengupas beberapa tajuk tertentu selain membincangkan hala tuju, masalah koperasi di seluruh dunia dan di Malaysia.

"Kita juga akan mengadakan pembentangan kertas kerja bagi mempromosikan sumbangan dan peranan Malaysia di peringkat antarabangsa," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Abdul Fattah berkata Angkasa akan menganjurkan program serentak iaitu Karnival Produk Dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (Maccops) 2017 ke arah mentransformasi perniagaan koperasi ke peringkat lebih tinggi, dari 15 hingga 19 Nov ini.

-- BERNAMA